



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENTAULIAH 1 SET BARISAN MESIN PENGELUARAN AUTOMATIK PRODUK KOPI PRACAMPUR 3 IN 1 (STICK) DI PUSAT MEMPROSES MAKANAN FAMA (KILANG KOPI) BANTING, SELANGOR.

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP TENDER
FAMA/TENDER 005/2024	130101	20/05/2024 hingga 07/06/2024	20/05/2024 Sesi Taklimat : 11:00 pagi Pusat Memproses Makanan FAMA (Kilang Kopi) Banting, Selangor	RM 100.00	12/06/2024 (sebelum 12:00 tengahari)

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

- i) **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM)**
- ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **FAMA semasa sesi taklimat dan membeli dokumen**. Pembekal hendaklah membawa **cop syarikat semasa menghadiri Taklimat Tender**. **FAMA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **FAMA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **ATAS TALIAN (BANK IN) (512503103652-MAYBANK)** atas nama **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) **di alamat seperti di bawah**. **Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.**

5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen.** Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. **Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh FAMA semasa menghadiri taklimat tender.**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
7. **FAMA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **FAMA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

SERAHAN SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM SENNEGO

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12:00 tengahari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak.
10. Setiap kontraktor/pembekal hendaklah berdaftar dengan Sennego dan memilih pasaran FAMA sebelum membeli dokumen tender.
11. Resit pembayaran dokumen perlu dikemukakan kepada pegawai Tele-Center melalui emel perolehanpre2020@fama.gov.my atau hubungi talian 03-61262020.
12. Sila masukkan no. tender FAMA/TENDER 005/2024 pada subjek emel tersebut.